

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan syarat kelayakan dan dokumen diperlukan untuk warga asing memandu dalam negara serta tindakan lebih tegas menangani isu warga asing memandu tanpa lesen memandu sah yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan dan dokumen diperlukan untuk warga asing memandu dalam negara terbahagi kepada tiga (3) iaitu mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia iaitu:

- (a) *Convention on Road Traffic Geneva*, 19 September 1949;
- (b) *Agreement on the Recognition of Domestic Driving License Issued by Asean Countries* Kuala Lumpur, 9 Julai 1985; dan
- (c) *Mutual Recognition Agreement* (MRA) bagi Pengiktirafan Lesen Memandu.

2. Merujuk kepada ***Convention on Road Traffic Geneva, 19 September 1949***, warga asing yang memegang lesen memandu daripada negara pejanji bagi perjanjian ini hendaklah mengemukakan Lesen Memandu Negara Luar yang sah dan berkuatkuasa berserta *International Driving Permit* (IDP).

3. Manakala, ***Agreement on the Recognition of Domestic Driving License Issued by Asean Countries Kuala Lumpur, 9 Julai 1985***, menyatakan bahawa warga asing daripada negara-negara ASEAN boleh memandu di Malaysia hanya dengan mengemukakan Lesen Memandu Negara masing-masing yang sah dan berkuatkuasa serta lesen memandu tersebut hendaklah menggunakan bahasa yang boleh difahami.

4. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga membenarkan rakyat negara asing memandu di Malaysia di bawah *Mutual Recognition Agreement* (MRA) di antara Kerajaan Malaysia dengan negara tersebut. Pada masa ini, Malaysia mempunyai MRA dengan negara Maldives dan sedang dalam perundingan dengan beberapa negara lain, antaranya ialah China, Korea dan UAE.

5. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah menguatkuasakan tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333]. Mana-mana individu yang didapati memandu tanpa lesen yang sah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM300 dan tidak melebihi RM2,000.

6. Kenderaan yang dipandu oleh warga asing tanpa lesen memandu yang sah boleh disita di bawah Seksyen 64(1) [Akta 333]. Seksyen ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa, seperti polis atau Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ), untuk menyita dan menahan kenderaan yang dipandu oleh seseorang yang tidak mempunyai lesen memandu yang sah. Penahanan kenderaan ini bertujuan untuk mencegah penggunaan kenderaan tersebut dari berterusan melakukan kesalahan.

7. Justeru itu, penting bagi seluruh warga asing untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang trafik di Malaysia dan memiliki dokumen yang sah untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.